



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1986
DR.30/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1986.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 24 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan (b) baru yang berikut:

Pindaan seksyen 24. Akta 91.

“(b) the same jurisdiction and authority in relation to matters of admiralty as is had by the High Court of Justice in England under the United Kingdom Supreme Court Act, 1981;”.

3. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “five” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “ten”.

Pindaan seksyen 28.

Pindaan
seksyen 68.

4. Subseksyen (1) seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan (a) baru yang berikut:

“(a) when the amount or value of the subject matter of the claim (exclusive of interest) is less than one hundred thousand ringgit, except with the leave of the Supreme Court or a Judge of the High Court;”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 24 untuk menjelaskan bahawa bidang kuasa yang diperjalankan oleh Mahkamah Tinggi di England berkenaan dengan perkara-perkara yang diliputi oleh Akta Mahkamah Agung, 1981 United Kingdom (yang menggantikan peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta Pentadbiran Keadilan, 1956 United Kingdom) boleh juga diperjalankan oleh Mahkamah Tinggi.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 28 (1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk meningkatkan amaun yang menjadi pertikaian atau nilai hal perkara yang dibenarkan untuk membuat rayuan daripada mana-mana mahkamah rendah kepada Mahkamah Tinggi kepada sebanyak \$10,000.00 dari angka sekarang ini sebanyak \$5,000.00. Bagaimanapun, ini tidak akan terpakai bagi rayuan di mana pertikaian itu adalah pertikaian mengenai persoalan undang-undang.

4. Pindaan dalam *fasal 4* bertujuan untuk menjelaskan keputusan-keputusan yang bertelagah berkenaan dengan kuantum nilai hal perkara untuk suatu rayuan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan di mana kebenaran tidak diperlukan. Pindaan ini bertujuan untuk menetapkan angka satu ratus ribu ringgit sebagai amaun atau nilainya hal perkara supaya tidak termasuk apa-apa bunga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1409.]